

P.U.(A) 135/2009

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (MEKANISME PENSTABILAN HARGA)(PINDAAN) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 98(4)(e), seksyen 180 dan subseksyen 188(5) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Mekanisme Penstabilan Harga) (Pindaan) 2009**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 2 April 2009.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Mekanisme Penstabilan Harga) 2008 [*P.U. (A) 8/2008*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(a) dalam takrif “sekuriti yang berkaitan”, dengan memotong perkataan “papan utama suatu”;

(b) dalam takrif “tarikh tutup”, dengan menggantikan perkataan “saham” dengan perkataan “sekuriti yang berkaitan”;

(c) dengan menggantikan takrif “tawaran” dengan takrif yang berikut:

‘ “tawaran” ertinya suatu tawaran untuk langganan atau pembelian sekuriti yang berkaitan bersama dengan penyenaian sekuriti yang berkaitan itu di suatu bursa saham, atau di kedua-dua bursa saham dan bursa saham luar negara, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika sekuriti yang berkaitan itu tidak

disenaraikan terlebih dahulu di mana-mana bursa saham atau bursa saham luar negara;’ dan

- (d) dalam takrif “tawaran yang berkaitan”, dengan menggantikan perkataan “saham” dengan perkataan “sekuriti yang berkaitan”.

Pindaan peraturan 4

- 3. Perenggan 4(1)(b) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “saham itu” dengan perkataan “sekuriti yang berkaitan itu”.

Pindaan peraturan 5

- 4. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
 - (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “saham itu” dengan perkataan “sekuriti yang berkaitan itu”;
 - (b) dalam perenggan (b)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “saham” dengan perkataan “sekuriti yang berkaitan”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “lima puluh”; dan
 - (c) dalam perenggan (c) dan (d), dengan menggantikan perkataan “saham” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “sekuriti yang berkaitan”.

Pindaan peraturan 9

- 5. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
 - (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “saham disenaraikan atau dimaksudkan untuk disenaraikan” dengan perkataan “sekuriti yang berkaitan disenaraikan atau dimaksudkan untuk disenaraikan”; dan

- (b) dalam perenggan (a), (c) dan (d), dengan menggantikan perkataan “saham” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “sekuriti yang berkaitan”.

Dibuat pada 26 Mac 2009
[KK/BPKA/K1(S)/483/128/1/1;PN(PU²)662/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua